

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah konkrit Kerajaan dalam berhadapan masalah kejatuhan harga minyak global yang menyebabkan pendapatan PETRONAS merosot.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha Kerajaan sejak sekian lama untuk mempelbagaikan asas ekonomi telah mengurangkan pergantungan negara ke atas mana-mana industri dan komoditi. Kerajaan telah mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum secara berhemat daripada 40.3% pada tahun 2009 kepada 29.7% pada tahun 2014 dan dijangka akan terus menurun pada tahun-tahun akan datang.

Sistem kewangan dan perbankan juga telah diperkukuhkan untuk memastikan bahawa ekonomi negara dapat bertahan dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi. Di samping itu, pembaharuan fiskal termasuklah pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), Belanjawan Berasaskan *Outcome* (OBB) dan perakaunan akruan, rasionalisasi subsidi, peningkatan kecekapan perbelanjaan dan pengauditan yang lebih ketat. Dengan pengenalan GST, Kerajaan berupaya memperkemas dan memperluas asas cukai. Jadi, fenomena kejatuhan harga minyak tidak dijangka memberi kesan yang mendadak bagi jangka pendek dan panjang kepada ekonomi Negara.

Walaupun kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang Ringgit merupakan fenomena jangka pendek, Kerajaan telah mengambil

beberapa langkah proaktif untuk menghadkan kesannya ke atas ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Dua strategi telah dibentuk bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berada pada landasan yang kukuh.

Strategi pertama adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang seimbang, inklusif dan mampan melalui aktiviti merencanakan pertumbuhan eksport serta meningkatkan penggunaan dan pelaburan swasta. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- i) membantu pengeksport terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mendapat prospek pelanggan baru di pasaran yang baru;
- ii) memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan bagi pelaksanaan kerja-kerja baik pulih di kawasan yang terjejas akibat banjir; dan
- iii) mengurangkan kos kendalian perniagaan melalui pengurangan tariff elektrik bermula 1 Mac hingga 30 Jun 2015 termasuk penangguhan kenaikan tariff elektrik untuk semua kategori pengguna serta penangguhan kenaikan harga gas untuk sektor industri pada tahun ini.

Strategi kedua adalah dengan meneruskan konsolidasi fiskal bagi memastikan kemampanan kedudukan fiskal jangka panjang. Antara langkah yang akan diambil adalah:

- i) meningkatkan hasil Kerajaan dengan meluaskan asas percukaian dan menggalakkan syarikat mendaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bagi meningkatkan hasil daripada kutipan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Ini dijangka akan menambah sumbangan kepada kutipan hasil sebanyak RM1 bilion.
- ii) merasionalisasi perbelanjaan dan mengkaji semula pemberian dan geran kepada Badan Berkanun Persekutuan, GLC serta Tabung Amanah Kerajaan, terutamanya yang mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab yang tinggi. Langkah ini dijangka memberi penjimatan sebanyak RM3.2 bilion.

Langkah-langkah di atas dijangka dapat memastikan negara mampu mencapai pertumbuhan KDNK yang mampan antara 4.5 hingga 5.5 peratus serta mengurangkan kadar defisit pada 3.2 peratus dari KDNK pada tahun ini daripada 3.5 peratus pada tahun 2014.

Dengan mengambilkira usaha-usaha yang sedang dilaksana oleh Kerajaan, maka dijangkakan negara akan dapat mengharungi fenomena semasa penurunan harga minyak dan akan terus bergerak ke hadapan bagi mencapai status negara maju dan inklusif pada tahun 2020.